



# KESALAHAN MENGEMUKAKAN DOKUMEN/TUNTUTAN PALSU

Rentas negeri: Penjawat awam didenda RM1,800 palsukan dokumen untuk sambut Aidilfitri

Adie Sufian Zulkefli, Astro Awani | Mei 28, 2020 13:18 +08 | Durasi: 1 minit, 6 saat



ALOR SETAR: Seorang penjawat awam didenda RM1,800 oleh Mahkamah Majistret Alor Setar, pada Khamis, kerana memalsukan dokumen kebenaran merentas negeri untuk membolehkannya tinggalkan masa di kampung untuk menyambut Aidilfitri.

Majistret Siti Norhidayah Mohd Noor menjatuhkan hukuman berkenaan selepas Mohd Norhisham, 41, mengaku bersalah sebaik pertuduhan.



TUNTUTAN PALSU: PENGURUS SYARIKAT DAN PENJAWAT AWAM DITAHAN



## SPRM Sabah siasat 22 penjawat awam disyaki buat tuntutan palsu

New Sabah Times 4/8/2016

KOTA KINABALU: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah sedang menjalankan siasatan ke atas 22 orang penjawat awam di dua buah jabatan kerajaan di Kota Kinabalu kerana disyaki membuat tuntutan palsu.

Menurut Pengarah SPRM Sabah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap, 14 daripada pegawai dan kakitangan awam berkenaan disyaki membuat tuntutan palsu merentas negeri melibatkan bil hotel berjumlah RM20,000. Beliau berkata 14 pegawai dan kakitangan awam itu memegang gred antara 17 hingga 22.

Siasatan mendapati tuntutan palsu merentas negeri adalah melibatkan tuntutan bil hotel yang telah dibeli dengan harga RM10 hingga RM20 yang kemudian digunakan dalam tuntutan peralihan pegawai atau kakitangan itu dengan menggunakan kadar kelayakan masing-masing, katanya.

Lapan pegawai dan kakitangan awam yang disyaki itu pula didakwa membuat tuntutan elan lebih masa palsu melibatkan tuntutan berjumlah RM126,000, menurut beliau.

Difahamkan kakitangan awam itu telah membuat tuntutan lebih masa disyaki palsu itu berkaitan tugas 'on call' mereka dalam tahun 2016 sedangkan tugas berkenaan tidak dilakukan oleh mereka.

Shaharom Nizam berkata penjawat awam terlibat disyaki telah meniru tandatangan beberapa pegawai atasannya serta memasukkan rekod pesakit lama ke dalam tuntutan tugas elan lebih masa mereka. Beliau berkata kes itu disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009-Bernama

**Pegawai yang mengemukakan dokumen/ tuntutan palsu adalah melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2)(f) dan 4(2)(g), [P.U(A) 395/1993] iaitu SESEORANG PEGAWAI TIDAK BOLEH TIDAK JUJUR ATAU TIDAK AMANAH DAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.**



**FIKIR dulu sebelum buat. Pelihara INTEGRITI anda!**

**PEGAWAI BOLEH DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB SEHINGGA DIJATUHI HUKUMAN BUANG KERJA**